

08 JUN 1998

Hamid - Tilawah

MELAKA TUAN RUMAH TILAWAH KEBANGSAAN KE-41

MELAKA, 8 Jun (Bernama) -- Melaka akan menjadi tuan rumah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-41, yang akan diadakan selama enam hari mulai 27 Okt ini di Stadium Kubu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata tilawah itu yang dianjurkan bersama Kerajaan Negeri Melaka dan Kerajaan Pusat akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah pada 1 Nov akan disempurnakan oleh Yang Dipertuan Negeri Melaka Tun Syed Ahmad Shahabudin, katanya pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tilawah bersama Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin, di Seri Negeri di sini petang ini.

Tema tilawah tahun ini ialah " Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita."

Melaka yang pernah menganjurkan majlis tilawah pada 1984 merupakan negeri pertama yang dipilih bagi pusingan kedua, semenjak majlis tilawah peringkat kebangsaan digilir-gilirkan kepada negeri-negeri untuk menganjurkannya.

Terengganu ialah tuan rumah majlis tilawah tahun lepas.

Menurutnya, Jawatankuasa Teknikal Tilawah dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Abdul Aziz Omar dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Zainal Abidin Abdul Hamid.

Sebanyak RM1 juta diperuntukkan untuk menganjurkan majlis tilawah itu dan perbelanjaan ditanggung bersama oleh Kerajaan Melaka dan Pusat.

Abdul Hamid berkata majlis tilawah merupakan satu acara kebangsaan yang telah diasaskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj dia ia berjaya memberikan kesan positif kepada masyarakat Islam.

Beliau berkata setiap negeri akan menghantar seorang qari dan qariah manakala hadiah untuk para pemenang akan dikekalkan sebagaimana tahun lepas, manakala model masjid negeri Al-Azim dijadikan astaka majlis tilawah tersebut.

-- BERNAMA

NO RI